

Pemasangan tanglung di sekolah bukan isu perkauman: TPM

BH - 9/11/2020 m/s: 9

Kuala Lumpur: Pemasangan tanglung di sekolah bagi meraikan sambutan Tahun Baharu Cina bukan isu perkauman kerana masyarakat berbilang kaum di negara ini menyambut pelbagai jenis perayaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata sejak negara mengecapi kemerdekaan, tidak pernah timbul isu berkaitan pemasangan tanglung dan semua masyarakat menghormati serta meraikan perayaan itu.

Katanya, isu perayaan juga tidak sepatutnya dijadikan isu yang boleh memecah-belahkan kaum kerana sebagai sebuah negara yang stabil, perayaan seharusnya dijadikan faktor untuk merapatkan hubungan antara semua.

"Tahun baharu juga kita sambut dan Tahun Baharu Cina juga kita sambut dan perayaan ini diserikan lagi dengan tanglung yang saya sendiri kagum.

"Sejarah tanglung sebenarnya mengenai seorang gadis yang memasangi api di dalam kertas lalu

wujudlah tanglung. Ia adalah satu budaya masyarakat Cina yang saya fikir tidak mempunyai masalah.

"Jangan jadikan isu ini sebagai satu perkara yang akan memecah-belahkan negara kerana wawasan kita termasuk Jemaah Menteri pada tahun 2020 bukan sahaja mahu menjadikan negara ini maju tetapi harmoni," katanya dalam sidang akhbar.

Beliau hadir bersama Menteri Kewangan, Lim Guan Eng; Menteri Air Tanah Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar; Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman; Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah untuk memasang semula tanglung di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pusat Bandar Puchong 1 yang diarahkan dirutinkan oleh pihak berkuasa.

Yang turut hadir adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo serta Timbalan Menteri Pendidikan,



Teo Nie Ching,

Isu tanglung di sekolah itu menjadi kontroversi selepas ada pemimpin pembangkang mendakwa ia dipasang secara berlebihan serta dikaitkan konon ia usaha untuk menyebarkan agama lain kepada murid Islam di situ.

Dalam perkembangan sama, Pejabat Perdana Menteri berkata, jemaah menteri dalam mesyuarat semalam memandang serius tindakan pihak yang memainkan isu perkauman dan agama dengan membuat laporan polis terhadap hiasan sempena perayaan Tahun Baharu Cina di SMK Pusat Bandar Puchong 1 itu.

"Isu ini bukan bersifat keagamaan dan bukan satu cara penyebaran agama sebaliknya adalah satu perkara biasa untuk membuat hiasan bagi meraikan sesuatu acara perayaan seperti perayaan Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali dan sebagainya.

"Rakyat Malaysia adalah masyarakat yang mempunyai pelbagai budaya dan meraikan bersa-

ma acara-acara seperti ini sejak bertahun-tahun dahulu. Kita perlu menghormati satu sama lain kerana perbezaan adat dan budaya dalam kalangan masyarakat adalah aset berharga bagi negara.

"Jemaah Menteri sama sekali tidak bersetuju dengan sikap rasis dan ekstremis pihak-pihak tertentu kerana ia akan menjejaskan perpaduan kaum di negara ini," katanya dalam kenyataan.

Sementara itu, Nie Ching, berkata keputusan untuk memasang semula tanglung itu dibuat selepas mendapat persetujuan mesyuarat Kabinet semalam.

Kata beliau, ia turut diputuskan berdasarkan hasil siasatan yang sudah dilakukan pihak polis mengenai isu itu.

"Kami semua mengambil pendirian ini (memasang semula) dan meminta agar semua pihak tidak menjadikan perkara ini sebagai isu. Ia juga bukan arahan daripada kerajaan sebaliknya perkara yang diputuskan bersama-sama," katanya.

Sejak negara mengecapi kemerdekaan, tidak pernah timbul isu berkaitan pemasangan tanglung.

Dr Wan Azizah Wan Ismail,
Timbalan Perdana Menteri